

20/11/2000

Sun sedia majukan perisian Islam

SUN Microsystems Inc (Sun) sedia membangunkan sistem perisian bahan bacaan Islam dalam bentuk digital yang diilhamkan lima negara Islam bagi membolehkan masyarakat global mendapatkannya menerusi Internet.

Projek perpustakaan digital itu membabitkan kerjasama ketua kerajaan Malaysia, Mesir, Jordan, Syria dan Morocco.

Pengarah Pejabat Sains Microsystems Inc, Dr John Gage berkata, projek yang mendapat sokongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu perlu mendapat kerjasama Perpustakaan Negara dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

"Sun akan menyediakan sistem yang membolehkan projek ini dapat dijayakan dan pada masa sama, masyarakat dunia dapat berkongsi maklumat mengenai Islam.

"Ini adalah satu projek yang buat pertama kalinya mempunyai keupayaan menyediakan bahan bacaan Islam yang sukar didapati kepada semua kanak-kanak di dunia," katanya.

Beliau yang menyertai sesi Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2000 berkata demikian selepas mengadakan pertemuan singkat dengan Dr Mahathir di sini, semalam.

Dr Gage berkata, syarikat perisian itu juga bersedia memberi sumbangan komputer bagi menjayakan projek perpustakaan digital berkenaan.

(END)